

Indonesia lalai tangani kebakaran

■ JAKARTA 17 SEPT.

PRESIDEN Joko Widodo atau Jokowi mengakui Indonesia lalai menangani kes-kes kebakaran hutan dan tanah pertanian yang berulang setiap tahun dan melihat masalah itu sebagai kelemahan pengurusan di pihak kerajaan sendiri.

CNBC Indonesia melaporkan, Jokowi menyatakan kekecewaannya itu dalam mesyuarat yang turut dihadiri oleh Setiausaha Kabinet, Pramono Anung; Menteri Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia, Siti Nurbaya Bakar; Ketua Polis Negara, Tito Karnavian; Panglima Tentera Nasional Indonesia (TNI), Hadi Tjahjanto dan kerajaan tempatan selepas mengadakan lawatan kerja ke Pekanbaru, Riau yang dilanda masalah jerebu teruk sejak sebulan lalu.

"Kita tidak perlu mengadakan pertemuan begini bagi membincangkan mengenai masalah yang sama pada setiap tahun. Sepatutnya kita sudah bersedia sebelum musim kemarau lagi. Itu yang sepatutnya. Namun kita tidak menghiraukannya dan lalai sehingga masalah jerebu ini menjadi besar," katanya.

Video 'amanat' Jokowi itu dimuat naik dalam laman rasmi Sekretariat Presiden, di sini semalam.

Dalam pada itu Jokowi menegaskan, pihak berkuasa

seharusnya mengambil langkah pencegahan dan melakukan kawalan ke atas kebakaran hutan secara konsisten dan berterusan.

"Jika masih ada titik panas tidak diperiksa atau dibiarkan seperti dalam kes-kes sebelum ini yang terutamanya memba-

bitkan kebakaran tanah gambut, maka akhirnya kerajaan terpaksa berdepan dengan masalah untuk bertindak," jelasnya.

Jokowi menjelaskan, kekuatan, peralatan bantuan dan radas keselamatan yang dimiliki di peringkat tempatan

IPU Sri Aman dalam bahaya

KUALALUMPUR 17 Sept.- Bacaan indeks pencemaran udara (IPU) di Sri Aman, Sarawak terus meningkat dan berada dalam kategori bahaya dengan angka 397 sehingga pukul 9 malam ini.

Menurut laporan Jabatan Alam Sekitar (JAS), empat kawasan lain yang berada pada tahap sangat tidak sihat adalah Seri Manjung, Perak (225); Johan Setia, Klang (230), Nilai, Negeri Sembilan (205) dan Kuching, Sarawak (213).

Selain itu katanya, 28 kawasan pula kini direkodkan berada pada paras tidak sihat seperti Port Dickson dengan mencatatkan sedikit penurunan kepada IPU 190 berbanding 212

pada pukul 10 pagi.

Dua kawasan lain turut berada pada paras tidak sihat adalah Kuala Selangor (162) dan Petaling Jaya (176).

Hanya tiga kawasan di utara tanah air mencatatkan IPU terbaik antaranya Alor Setar (52); Langkawi (45) dan Kangar (32).

Bacaan IPU antara 0 dan 50 dikategorikan baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) manakala 300 ke atas berbahaya.

Sementara itu, Jemaah Menteri akan bermesyuarat esok mengenai isu jerebu yang melanda negara, termasuk mengenai syarikat Malaysia yang

didakwa disita oleh Indonesia.

Menteri Luar Saifuddin Abdullah berkata, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Yeoo Bee Yin dijangka memberi taklimat kepada Kabinet esok mengenai jerebu.

"Kabinet akan bermesyuarat esok dan saya pasti menteri berkenaan akan melaporkan perkara itu dan langkah-langkah susulan yang akan diambil," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata, Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad belum menulis kepada Presiden Indonesia, Joko Widodo tetapi para menteri sedang berhubung dengan rakan sejawat mereka di Indonesia.